

Sinar Harian - 29 APRIL 2016

Dedah siswa Unisza isu rumah tangga

GONG BADAQ - Seramai 107 pelajar Universiti Sultan Zainal Abidin (Unisza) menyertai Kursus Pra-Gerbang Sakinah yang diadakan di Dewan Auditorium Perpustakaan Unisza, Kampus Gong Badak.

Kursus selama dua hari itu anjuran Majlis Kolej Kediaman A (MKK A) dengan kerjasama Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu (JHEAT).

Ketua Biro Kebajikan dan Keselamatan MKKA A, Nur Afiqah Othman berkata, tujuan program adalah memberi pendedahan awal kepada pelajar Unisza berkenaan konsep kehidupan sebelum memasuki alam rumah tangga.

"Peserta didedahkan ilmu fardu kifayah dalam menjalani kehidupan seharian melalui slot akhlak, akidah dan ibadah.

"Biarpun masih bergelar seorang pelajar di universiti, ia tidak menghalang pe-

serta mendalami ilmu perkahwinan sebagai persediaan awal melangkah ke alam rumah tangga," katanya.

Menurut Nur Afiqah, sebanyak sebelas slot ceramah disediakan dan disampaikan penceramah berlainan selama dua hari kursus berkenaan.

"Kita sedia maklum, ramai remaja terutama yang masih belajar terlibat dengan masalah sosial sehingga memudaratkan diri. Jadi dengan pengetahuan diperoleh melalui kursus ini, mereka lebih terbuka dan mampu menilai baik buruk dalam sesebuah perhubungan.

"Ilmu kekeluargaan ini bukan saja memberi perhatian kepada isu dalaman rumah tangga, malah mengajar pelajar mengatasi tekanan dan mengurus sesuatu keadaan termasuk kewangan. Ia bagus jika dipraktikkan sesi pengajian masing-masing," katanya.



Ceramah disampaikan wakil Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu di Unisza Kampus Gong Badak.